

23 OCT 2003

MAHATHIR-HASIL

BERHATI-HATI DALAM RUNDINGAN KONSESI MINYAK, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

DILI, 23 Okt (Bernama) -- Negara-negara kecil yang kaya dengan sumber asli seperti minyak perlu berhati-hati dalam rundingan perjanjian perkongsian pengeluaran untuk mengelak daripada ditipu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ingatan itu terpaksa diberikan kerana Malaysia mempunyai pengalaman dalam perkara tersebut.

"Dahulu apabila kita mengadakan perjanjian perkongsian pengeluaran, ia adalah berat sebelah kepada pihak yang mendapat konsesi.

"Sebab itu kita terpaksa memberi amaran kepada negara-negara lain supaya berhati-hati kerana walaupun cakupannya manis, kita tidak boleh bergantung kepada muka manis dan cakap manis sahaja, kita perlu periksa," katanya pada persidangan media bersama dengan Perdana Menteri Timor Leste Dr Mari Alkatiri selepas mereka bersama-sama melancarkan Laman Web Forum Remaja Antarabangsa Dili di sini hari ini.

"Kata orang kalau diberi seekor kuda, lihat dulu giginya sama ada baik ataupun tidak.

"Itu pendapat kita tetapi terpulang kepada kerajaan Timor Leste sama ada mahu menerima atau menolak pendapat kita. Kita sebagai jiran mempunyai hasrat yang baik untuk memperkayakan jiran, ini adalah satu daripada falsafah Malaysia

- memakmurkan jiran," kata Dr Mahathir, yang mempunyai aturcara ketat sepanjang

hari ini - hari kedua dalam rangka lawatan tiga hari ke Timor Leste.

Beliau ditanya oleh seorang wartawan Timor Leste apa yang perlu dilakukan oleh negara baru merdeka ini yang sedang mengadakan rundingan dengan Australia mengenai konsesi pengeluaran petroleum.

Ketika diminta mengulas mengenai perkara itu, Alkatiri berkata: "Seperti yang anda maklumi, kami sentiasa cuba mendapatkan nasihat daripada rakan-rakan kami dan kemudiannya kami akan cuba mencari jalan bagaimana dapat digunakan secara realiti."

Seorang pemberita lain meminta Dr Mahathir mengulas ucapannya di Parlimen Kebangsaan Timor Leste pagi ini di mana antara ucapannya beliau menyentuh mengenai negara-negara yang mengamalkan demokrasi yang telah menipu untuk mendapatkan sumber minyak negara-negara miskin.

Beliau bertanya sama ada komen itu merujuk kepada kesukaran yang dihadapi oleh kerajaan Timor Leste dalam rundingannya mengenai perkara itu dengan kerajaan Australia.

"Kami menyatakannya dalam bahasa Melayu ...siapa yang memakan cili, dia merasa pedasnya. Jadi, jika anda merasa pedasnya, kemungkinan anda terlibat.

Dr Mahathir berkata, sejauh yang Malaysia boleh lakukan, beliau telah memberi jaminan kepada Presiden Timor Leste Xanana Gusmao dan Alkatiri bahawa bukanlah menjadi keinginan Petronas datang ke sini dan mengaut minyak itu untuk dirinya sendiri.

"Kami datang ke sini untuk menyediakan sedikit nasihat berasaskan pengalaman kami dalam berurusan dengan syarikat-syarikat multinational yang menandatangani perjanjian perkongsian pengeluaran dengan negara-negara," katanya.

Ketika berucap kepada ahli-ahli Parlimen dan Majlis Menteri-Menteri Timor Leste, Dr Mahathir berkata, kebanyak negara-negara membangun bergantung kepada sumber asli masing-masing untuk mengekalkan ekonomi

masing-masing.

Malang sekali, mereka tidak mempunyai sumber sama ada kewangan atau teknologi untuk meneroka sumber asli masing-masing.

"Sumber petroleum tidak boleh diteroka oleh negara-negara miskin," katanya.

"Di segi sejarah negara-negara pengeluar minyak utama telah menipu negara-negara miskin dengan membayar mereka kurang satu dollar AS bagi setong minyak.

"Sejak berdekad lepas, negara-negara miskin ditipu manakala negara-negara utama yang kaya telah mengeluarkan, menapis dan menjual runcit minyak berkenaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, jika tidak kerana OPEC, harga minyak tidak akan mencapai tahap melebihi 25 dollar AS sekarang ini.

"Tetapi hari ini, melainkan negara-negara kaya petroleum bijak dalam merundingkan konsesi, mereka masih berkemungkinan ditipu.

"Inilah jenis dunia yang kita diami. Kita jangan mempercayai bahawa negara yang mengamalkan demokrasi tidak akan menipu.

"Adalah penting untuk mengingatkan bahawa bom nuklear hanya telah digugurkan oleh sebuah negara demokrasi," kata Dr Mahathir yang akan berlepas ke Papua New Guinea esok.

Pada sidang akhbar itu, Alkatiri menyifatkan Dr Mahathir sebagai "Perdana Menteri yang sangat istimewa" yang kepimpinannya telah membantu Malaysia menjadi salah sebuah negara kaya di dunia membangun.

Katanya, wujud potensi besar diadakan kerjasama antara kedua-dua buah negara.

"Sebagai sebuah negara yang didominasi oleh orang-orang Islam, dan setelah memilih Timor Leste, sebuah negara yang didominasi oleh orang-orang Kristian, menunjukkan dengan jelas bahawa Dr Mahathir dan Malaysia sebenar-sebenarnya menjalinkan hubungan tanpa sebarang diskriminasi, pemikiran untuk mendiskriminasi," katanya. -- BERNAMA

AZZ HS AHM